



Informasi Falak

Matahari?




Isu dan Permasalahan Semasa
Hukum Menternak dan
Menjual Lintah dan Cacing
Untuk Tujuan Perubatan dan
Kosmetik



Garis Panduan Sambutan
Hari Bapa, Ibu, Kekasih
dan Yang Seumpamanya
Menurut Perspektif Islam

Keputusan Fatwa Negeri Selangor
Rufaqa



**PENANGUNG**

Sahibus Samahah
Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas B. Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

PENASIHAT

Sahibus Samahah
Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Omar
Timbalan Mufti Selangor

KETUA PENGARANG

Ustaz Mat Jais B. Kamos

KETUA EDITOR

Ustaz Mohamad Amin B. Md. Nor

SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd Daruddin B. Haji Taib
Ustaz Rizal B. Ramli
Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan
Ustaz Hairul Anuar B. Samingan
Encik Abdul Razak B. Johar
Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor

SIDANG EDITOR

Encik Mohammad Nabil B. Haji Abu Naim
Encik Mohd Jureime B. Mohd Kamar
Encik Ahmad Azhar B. Ahmad Radzuan
Ustaz Khairul 'Amal B. Zaini
Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim
Ustazah Norhazanah Bt Sarlan
Ustazah Hasmizah Bt Hassan
Cik Umi Sofia Bt Saad

JURUTAIP

Puan Nur Washifaiha Bt. Radzuan
Cik Norlida Bt Abdullah

EDARAN

Tuan Hj. Zasali B. Mohd Yunus
Encik Khalid B. Ab. Hamid
Encik Amirudin B. Hamzah
Encik Mohd Hanif B. Mohd Arip

REKABENTUK & CETAKAN OLEH

Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.
Kota Damansara
03-6156 4938



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t yang sentiasa melimpahkan taufiq dan hidayahNya kepada kita semua sehingga dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai Khalifah Allah di muka bumi. Selawat dan salam sentiasa dilimpahkan buat junjungan besar pemimpin Agung sepanjang zaman, Nabi Muhammad s.a.w, para ahli keluarga, sahabat, tabi'in dan generasi selanjutnya yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga ke akhir zaman.

Sebagai khalifah Allah s.w.t di muka bumi ini, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita untuk melaksanakan perintahNya dengan mengerjakan segala suruhanNya dan meninggalkan laranganNya. Dalam menjalankan tugas seharian, kita hendaklah memikulnya dengan penuh rasa tanggungjawab dan mengamalkan sifat-sifat amanah, jujur dan ikhlas semata-mata mengharap keredhaan Allah s.w.t kerana kerja itu merupakan satu ibadah.

Setiap individu dalam masyarakat mempunyai tanggungjawab yang tersendiri dan berbagai-bagai, ada yang ringan dan ada yang berat. Semakin luas ilmu pengetahuan seseorang, maka semakin hebat cabarannya, semakin tinggi darjat serta kepimpinannya, maka semakin beratlah amanah yang perlu dilaksanakan. Oleh itu, adalah disarankan agar kita tidak menunda kerja-kerja yang perlu dilaksanakan dan hendaklah ia diselesaikan mengikut hari-hari atau tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sebagai penjawat awam, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjalankan tugas yang telah diberikan oleh agensi / jabatan dan hendaklah diterima dengan rasa tanggungjawab dan penuh keikhlasan bagi mencapai matlamat integriti yang gemilang. Untuk mewujudkan sikap yang demikian, kita hendaklah merujuk kepada landasan atau lunas-lunas yang telah kita maklumi iaitu melalui nilai-nilai murni yang telah diterangkan oleh al-Quran dan as-Sunnah.

Semoga dengan segala usaha yang dilakukan ini, akan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah s.w.t di dunia dan akhirat. Amin...

Sekian, Wassalam...

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Isi Kandungan Buletin At-Taqwa Bil. 11

Aktiviti Jabatan Mufti Negeri Selangor	ms 3	Lensa	ms 10
Bahagian Penasihat Aqidah	ms 5	Kemasyarakatan Agama	ms 12
Garis Panduan Sambutan Hari Bapa, Ibu, Kekasih dan Yang Seumpamanya Menurut Perspektif Islam	ms 6	Informasi Falak – Matahari?	ms 14
Keputusan Fatwa Negeri Selangor – Rufaqa	ms 8	Artikel – Konvensyen Falak	ms 17
Isu dan Permasalahan Semasa – Hukum Menternak dan Menjual Lintah dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan dan Kosmetik	ms 9	Informasi Kiblat	ms 19
		Renungan – Mutiara Hikmah	ms 20



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Aktiviti Bahagian Falak

1. SEHARI BERSAMA FALAK 1/2008 (MODUL PENENTUAN WAKTU SOLAT)

3 Februari 2008, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Program Sehari Bersama Falak dengan Modul Penentuan Waktu Solat di Surau Al-Makmur, Bandar Rinting, Semenanjung bermula jam 9.00 pagi – 4.00 petang.

Program ini telah dihadiri seramai 32 orang peserta terdiri daripada Ahli Jawantkuasa Masjid dan surau kariah Masjid Kampung Rinting Hulu. Sebanyak 2 kertas kerja dibentang dan 1 kertas kerja amali hitungan waktu solat disampaikan oleh Us. Hairul Anuar B. Hj. Samingan dibantu oleh Us. Abdul Latip B. Ibrahim.

2. PROGRAM FALAK BERSAMA MASYARAKAT

Hulu Selangor – 28 Mac 2008, Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui Bahagian Falak telah mengadakan program 'Falak Bersama Masyarakat' di Masjid At-Taqwa, Kalumpang.

Program ini telah dihadiri ahli kariah surau sebelum solat Jumaat. Tujuan program ini diadakan ialah memberi pendedahan pentingnya ilmu falak, memberi penerangan kaedah-kaedah menentukan arah qiblat dan memberi penerangan akibat atau kesan berkenaan arah qiblat.

3. MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 1429H/ 2008M

Pada 25 hingga 28 Mac, 2008 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah dijemput bagi mengadakan pameran pada Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Selangor Tahun 1429H/ 2008M bertempat di Dewan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Majlis ini telah dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor.

Jabatan ini telah dijemput untuk menyertai pameran di sepanjang program tersebut. Antara yang dipamerkan ialah peralatan-peralatan astronomi, bahan-bahan terbitan dan bahan pameran berkenaan fatwa Selangor. Gerai jabatan ini telah menjadi tumpuan pengunjung disebabkan oleh Perisian Transformasi Tarikh yang berupaya mengubah tarikh masihi ke hijri dan sebaliknya

4. KONVENSYEN FALAK NEGERI SEMBILAN 2008

16 – 18 MEI 2008 – Jabatan Mufti Negeri Selangor dijemput menjayakan Konvensyen Falak bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan di Masjid Sikamat, Seremban. Melalui Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menghantar wakil bagi menjayakan konvensyen tersebut.

Jabatan ini membuka sebuah ruang pameran bagi menerima kunjungan pelawat-pelawat. Ruangan tersebut telah mempamerkan peralatan-peralatan dan artikel-artikel berkaitan falak. Di samping itu, jabatan telah menggunakan aplikasi transformasi tarikh lahir. Transformasi ini membolehkan pelawat mengetahui tarikh lahir dalam bulan hijrah.

5. SEHARI BERSAMA FALAK

3 Julai 2008 – Banting – Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui Bahagian Falak telah mengadakan program "Sehari Bersama Falak".

Program ini diadakan di Baitul Hilal Bukit Jugra, Banting. Program dimulakan dengan pendaftaran peserta tepat jam 8.30 pagi. Setelah itu dimulakan dengan pembentangan kertas kerja yang bertajuk "Kepentingan Arah Qiblat" oleh Ustaz Hairul Anuar Samingan.

Pada sebelah petang program diteruskan dengan Praktikal Pengiraan Arah Qiblat dan Transformasi Tarikh Lahir. Program ini diakhiri dengan acara Cerapan Hilal Rejab 1429H di Baitulhilar Bukit Jugra, Banting.

6. KONVENSYEN FALAK SELANGOR 2008

Pada 19 dan 20 Julai, 2008 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Konvensyen Falak 2008 bertempat di Auditorium Sirim Berhad.

Konvensyen telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato` Abd Khalid Bin Ibrahim, Dato` Menteri Besar Selangor.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah :

- 1) Pameran Falak
- 2) Jualan Instrument Falak
- 3) Pembentangan Kertas Kerja Bertemakan "Matahari: Bintang Di Dalam Solar Sistem"
- 4) Cerapan Perdana Cakerawala Secara Live
- 5) Pertandingan Kuiz.

Majlis Penangguhan pula telah disempurnakan oleh Y.B Dato` Dr. Hasan bin Mohamed Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Selangor

Aktiviti Bahagian Pentadbiran

1. MENERIMA KUNJUNGAN PROF. DR. ABD. HAMID TAHIR

Pada 28 Januari 2008, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan Prof. Dr. Abd. Hamid Tahir, Professor Fakulti Darul Ulum, Universiti Kaherah, Mesir. Satu majlis yang diadakan secara sederhana telah diadakan bagi meraikan kedatangan beliau ke jabatan ini. Kedatangan beliau ke jabatan ini telah disambut sendiri oleh S.S Dato` Seri utama Diraja Mufti Selangor. Sesi perbincangan bagi membincangkan beberapa isu-isu yang timbul ketika ini telah diadakan antara kedua-dua pihak.

2. JASAMU DIKENANG

30 Januari 2008 – Bekas Mufti Selangor, Dato` Hj. Ishak bin Baharom telah meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh jam 3.10 petang berpunca daripada komplikasi tekanan darah tinggi. Jenazah telah dikebumikan jam 10.45 pagi selepas disembahyangkan di Masjid Ar-Rahimiah, Taman Sri Andalas yang diimamkan oleh S.S Dato` Setia Haji Mohd Tamyas bin Abd. Wahid, Dato` Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Jenazah telah dikebumikan di Makam Diraja Shah Alam sebagai menghargai jasa dan pengorbanannya menyebarkan syiar Islam di negeri ini. Jenazah telah ditalkinkan oleh S.S. Dato` Haji Abdul Majid bin Omar, Timbalan Mufti Selangor. Y.A.B Dato` Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo, Menteri Besar Selangor telah melawat jenazah di kediamannya di Taman Sri Andalas sebelum dibawa ke masjid.

3. FORUM BICARA SISWA UNIVERSITI MALAYA

Pada 16 Februari 2008 – Sahibus Samahah Dato` Haji Abdul Majid bin Omar, Timbalan Mufti Selangor telah menghadiri Forum Bicara Siswa yang diadakan di Auditorium Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Forum yang bertajuk "Membentuk Mahasiswa Kelas Pertama : Tanggungjawab dan Cabaran". Sahibus Samahah Dato` Haji Abdul Majid bin Omar (Tokoh Guru 2007) dipilih menjadi salah seorang ahli panel forum tersebut. Diantara ahli panel yang lain ialah

Professor Emeritus Dato' Dr Khoo Kay Kim, Professor Dr. Sufean Hussin, Professor Dr. Harith Ahmad dan Dr. Wong Huey Siew. Forum ini berakhir pada pukul 5.00 petang.

4. BENGKEL AUDIT DALAM MS ISO 9001:2000

Pada 10 hingga 12 Jun 2008 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Kursus Audit Dalam MS ISO 9001:2000 bagi pegawai dan kakitangan yang menganggotai pasukan tersebut di D'Muara Marine

Park, Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam. Bengkel ini telah dihadiri oleh 10 orang peserta. Ianya adalah bertujuan untuk mendalami dan memperhalusi teknik-teknik dan kemahiran yang perlu ada pada seorang juruaudit dalam. Tenaga pengajar adalah terdiri dari 2 orang penceramah dari Syarikat Paksi Rezki. Majlis ini juga dihadiri oleh Sahibus Samahah Dato' Haji Abdul Majid Omar, Timbalan Mufti Selangor. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:

1. Penerangan Standard MS ISO 9001:2000.
2. Kaedah Audit Dalam.
3. Praktikal Pengisian Borang Audit.
4. Kaedah Penyediaan Laporan.
5. Rumusan.

bersambung di mukasurat 18...

A. PERKHIDMATAN

Nama	Jawatan	Tarikh Bertukar	Penempatan
Ustaz Mohd Basori b. Umar	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S48	1 Februari 2008	Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor
Puan Noor Azlenna bt. Mohd Zainuddin	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	3 September 2008	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat

2. KEMASUKAN PEGAWAI BARU LANTIKAN TETAP

Nama	Jawatan	Tarikh Bertukar	Penempatan
Ustaz Mat Jais b. Kamos	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S44	18 Februari 2008	Bahagian Istihsat, Jabatan Mufti Negeri Selangor
Puan Noor Elisa bt. Hamin	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	25 Ogos 2008	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Mufti Negeri Selangor

3. KEMASUKAN PEGAWAI/KAKITANGAN BARU SECARA KONTRAK DI BAWAH LANTIKAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Nama	Jawatan	Tarikh Bertukar	Penempatan
Ustaz Mohd Daruddin b. Hj Taib @ Hasan	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41	22 Mei 2008	Bahagian Penasihat Aqidah
Ustaz Mohamad Amin b. Md Nor	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27	20 Mei 2008	Bahagian Penasihat Aqidah
Ustazah Hasmizah bt Hassan	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17	20 Mei 2008	Bahagian Penasihat Aqidah
Ustaz Mohd Afiz b. Hasan	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27	1 Julai 2008	Bahagian Falak
Ustaz Mohd Aliff b. Hamad	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17	1 Ogos 2008	Bahagian Falak

4. KEMASUKAN PEGAWAI/KAKITANGAN BARU SECARA KONTRAK DI BAWAH LANTIKAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Nama	Jawatan	Tarikh Bertukar	Penempatan
Encik Mohd Jureime b. Mohd Kamar	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29	2 Mei 2008	Bahagian Teknologi Maklumat
Ustaz Khairul 'Amal b. Zaini	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17	1 Februari 2008	Bahagian Falak

B. PENGURNAAN PINGAT

Encik Amirudin b. Hamzah, bertugas sebagai Pemandu Kenderaan Gred R3 telah dikurniakan Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.) Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke-62 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Tahun 2007 pada 24 Julai 2008, bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.

BAHAGIAN PENASIHATAN AQIDAH

Jabatan Mufti Negeri Selangor bergerak selangkah lagi, apabila Bahagian Penasihat Aqidah yang diwujudkan oleh Majlis Agama Islam Selangor diletakkan di Jabatan Mufti Negeri Selangor. Secara rasminya mula beroperasi apabila tiga orang yang terdiri dari seorang Pegawai Hal Ehwal Islam, seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan seorang Pembantu Hal Ehwal Islam melapor diri pada 20 Mei 2008.

Antara fungsinya ialah bagi mengatur dan menyelaras program Khidmat Nasihat Aqidah bagi mereka yang memohon untuk keluar dari agama Islam atau mereka yang dikesan cuba hendak keluar Islam. Selain itu, bagi merancang dan melaksanakan program-program pembangunan, pemulihan dan pencegahan secara kerjasama dengan institusi agama serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sebagai keluarga baru di Jabatan Mufti Negeri Selangor, antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah memahami dan mengenalpasti bidang tugas serta proses kerja yang perlu dijalankan. Justeru itu, bahagian ini telah mengadakan perbincangan dalaman, perbincangan dengan pihak-pihak lain, kunjungan sambil belajar dan lain-lain lagi. Antaranya: -

- 1 - Perbincangan dalaman diadakan dari semasa ke semasa
- 2 - Perbincangan dengan pihak-pihak lain seperti :-
 - 2.1 - Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor
 - 2.2 - Bahagian Penasihat Undang-Undang Majlis Agama Islam Selangor
 - 2.3 - Bahagian Perkim Negeri Selangor
- 3 - Kunjungan sambil belajar antaranya ialah :-
 - 3.1 - Lawatan ke Jabatan Mufti Negeri Sembilan untuk mengetahui bidang kuasa dan proses kerja yang dijalankan di Unit Rundingcara Aqidah Jabatan Mufti Negeri Sembilan berpandukan Enakmen yang telah diwujudkan. Kunjungan tersebut dilaksanakan pada 30 Jun 2008.
 - 3.2 - Lawatan ke Pusat Pemulihan Aqidah (Baitul Iman), untuk melihat secara dekat dan memahami kes-kes yang dirujuk dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Kunjungan adalah pada 18 Jun 2008.
 - 3.3 - Kunjungan Silaturrahim dan ziarah ke rumah klien di Bandar Sunway bersama Unit Dakwah Global Majlis Agama Islam Selangor. Lawatan tersebut adalah pada 9 Julai 2008.

- 3.4 - Kunjungan Silaturrahim ke sembilan buah rumah Saudara Baru di daerah Sabak Bernam pada 22 Julai 2008.

Memandangkan ada keperluan penyelarasan dan persefahaman serta kerjasama yang lebih erat di antara bahagian-bahagian di Jabatan Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Mufti Negeri Selangor, maka semasa mengadakan perbincangan, Bahagian Penasihat Aqidah Jabatan Mufti Negeri Selangor telah bersetuju mengadakan mesyuarat bersama-sama bahagian tersebut :-

- i - Penasihat Undang-Undang Majlis Agama Islam Selangor
- ii - Pegawai Syariah Majlis Agama Islam Selangor
- iii - Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor :-
 - Unit Dakwah Saudara Baru
 - Unit Dakwah Global
 - Unit Kebajikan
- iv - Penguatkuasa Unit Tindakan Khas Jabatan Agama Islam Selangor
- v - Penguasa Baitul Iman Majlis Agama Islam Selangor
- vi - Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor

Untuk memudahkan proses kerja, Bahagian Penasihat Aqidah Jabatan Mufti Negeri Selangor sedang berusaha menyiapkan Manual Prosedur Kerja dan Fail Mejanya .

Disediakan Oleh,
Tn. Haji Mohd Daruddin B. Haji Taib @ Hassan



GARIS PANDUAN SAMBUTAN HARI BAPA, IBU, KEKASIH DAN YANG SEUMPAMANYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

PENDAHULUAN.

Garis Panduan Sambutan Hari Bapa, Ibu, Kekasih dan yang Seumpamanya Menurut Perspektif Islam ini disediakan untuk dijadikan sebagai asas rujukan kepada seluruh lapisan masyarakat Islam di Negeri Selangor agar segala acara sambutan yang bersempena dengan hari atau tarikh-tarikh tertentu dapat diraikan mengikut ruang lingkup perspektif Islam.

Islam adalah agama yang syumul dan merupakan suatu sistem kehidupan yang diatur dengan bijaksana serta keluhuran dalam membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Islam juga adalah agama yang bersifat sejagat, hatta tiada satu pun perkara yang tidak disentuh oleh Islam.

Garis panduan ini boleh digunapakai oleh para ibu bapa, anak-anak, para pendakwah serta seluruh warga Negeri Selangor amnya untuk difahami dan dihayati kandungannya agar matlamat untuk melahirkan insan syumul dan keluarga sakinah beroleh kejayaan.

DEFINISI ISTILAH

Sambutan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, sambutan ditakrifkan sebagai penerimaan, cara-cara meraikan atau menyambut sesuatu.

Hari Bapa.

Hari Bapa merupakan suatu hari yang bermula pada awal abad ke-12 untuk memberi penghormatan dan peringatan terhadap para bapa. Ia disambut pada tarikh yang berlainan di seluruh dunia serta melibatkan pemberian hadiah kepada bapa dan lain-lain aktiviti kekeluargaan.

Hari Ibu.

Hari Ibu yang disambut di sebahagian negara Eropah dan Timur Tengah telah mendapat pengaruh dari

kebiasaan memuja "Dewa Kronus dan ibu para dewa dalam sejarah Yunani kuno.

Di Amerika Syarikat dan lebih dari 75 negara lain seperti Australia, Kanada, Jerman, Itali, Jepun, Belanda, Malaysia, Singapura, Taiwan dan Hong Kong, Hari Ibu disambut atau diraikan pada hari Ahad minggu kedua bulan Mei.

Hari Kekasih.

Hari Kekasih atau Valentine's Day sebagaimana yang difahami ialah hari di mana dua insan yang berkasih sayang atau sepasang kekasih yang sedang bercinta meraikan percintaan dan kasih sayang mereka. Budaya ini disambut pada tanggal 14 Februari setiap tahun.

Perspektif Islam.

Perspektif adalah pandangan atau pentafsiran yang wajar dan mengambilkira sesuatu perkara secara keseluruhannya. Islam adalah agama yang di dalamnya terkandung ajaran yang meliputi aspek aqidah, syariah dan akhlak. Semua aspek dalam Islam sama ada dari sudut teori dan praktiknya perlu difahami dan diterapkan dalam bentuk yang komprehensif sesuai dengan maksud Islam sebagai cara hidup (nizam al-hayah).

KRITERIA UTAMA DALAM MENENTUKAN SAMBUTAN HARI BAPA, IBU, KEKASIH DAN YANG SEUMPAMANYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.

Kasih sayang dalam Islam adalah untuk sepanjang masa. Ia bukan hanya ditetapkan dalam tempoh masa atau hari yang tertentu sahaja untuk menzahirkan kasih sayang.

Percanggahan dari perspektif Islam:

Perlakuan segelintir daripada kalangan masyarakat masa kini yang meraikan atau menzahirkan kasih sayang pada tempoh atau hari tertentu dalam kalendar masihi seperti Hari Kekasih, sebenarnya tidak selari dengan kehendak syara'.



Dalam kalendar masihi, setiap tarikh adalah merupakan hari peringatan kepada Saint yang tertentu iaitu bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun. Perkataan Saint membawa maksud wali atau rasul bagi agama Kristian. Hanya paderi yang dipercayai mempunyai mukjizat, banyak menyumbang kepada gereja serta banyak membuat kebajikan akan diiktiraf dan diberi gelaran ini.

Konsep kasih sayang tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja. Kasih sayang yang paling utama ialah terhadap Allah s.w.t., diikuti Rasulullah s.a.w., kedua ibu bapa, suami, isteri, anak-anak, ahli keluarga, kaum kerabat, jiran tetangga dan seterusnya. Ianya hendaklah dibatasi dengan syarat-syarat yang telah digariskan dalam Islam termasuklah dalam aspek menjaga perhubungan antara bukan mahram dan maruah individu itu sendiri.

Kasih sayang dalam Islam dapat dikategorikan kepada tiga:

Pertama: Kasih Pencipta (Allah s.w.t.) kepada hamba-Nya. Kasih sayang Allah s.w.t. kepada hamba-Nya adalah kasih yang berkekalan.

Kedua: Kasih hamba kepada Pencipta. Kasih hamba kepada Pencipta adalah berlandaskan keimanan dan ketaqwaan.

Ketiga: Kasih makhluk sesama makhluk. Kasih makhluk sesama makhluk sifatnya tidak berkekalan, kerana ia bergantung kepada keadaan Kasih sayang sesama makhluk tidak boleh melebihi kasih sayang dan kecintaan terhadap Allah s.w.t.

Percanggahan dari perspektif Islam:

a. Perlakuan segelintir individu yang menzahirkan kasih sayang dan kecintaannya kepada golongan

tertentu seperti golongan artis sebagai idola sehingga pada tahap mengagung dan memuja adalah melampaui kasih sayang terhadap Allah s.w.t. dan rasul-Nya.

- b. Pergaulan bebas tanpa batasan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram yang menzahirkan kasih sayang dan kecintaannya hingga menggadai maruah dan kehormatan diri.
- c. Ibu bapa dan ahli keluarga yang tidak mengambil tahu siapa rakan anak-anaknya, ke mana ia pergi dan waktu bila seharusnya anak-anak berada di rumah sebenarnya belum lagi menunaikan tanggungjawab dan amanah Allah dalam mendidik anak-anak sekalipun ianya telah dewasa.
- d. Kasih sayang yang dizahirkan berdasarkan darjat, pangkat, gelaran dan kekayaan adalah palsu semata-mata tanpa di dorongi hati yang ikhlas.
- e. Kasih sayang yang membezakan bentuk dan fizikal manusia hingga meminggirkan warga emas, kanak-kanak, golongan orang kurang upaya dan kurang berkemampuan.

Sambutan yang dilakukan tidak menjejaskan atau merosakkan aqidah, syariah dan akhlak seseorang individu Muslim.

Setiap individu Muslim hendaklah memastikan bahawa setiap langkah yang diambil dalam kehidupannya akan membawa natijah yang baik. Bagi mendapatkannya, setiap perbuatan atau perlakuan haruslah didahului dengan usaha dan perancangan yang baik dalam menghasilkan sesuatu.

Ekoran daripada itu, setiap ancaman yang boleh merosakkan 'maqasid al-syariah' atau prinsip asas syariah iaitu memperuntukkan manusia supaya menjalani kehidupan dengan menjaga dan mempertahankan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta sewajarnya hendaklah dihindarkan.

Percanggahan dari perspektif Islam:

- a. Sambutan yang berunsur maksiat seperti



percampuran atau pergaulan bebas antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.

- b. Sambutan yang diraikan dengan perkara yang haram seperti meminum arak, berzina, meniup lilin (menyerupai amalan agama Majusi) dan sebagainya.
- c. Sambutan yang bersifat melalai atau meleakakan individu akan tanggungjawabnya terhadap Allah s.w.t. dan agamanya.
- d. Sambutan yang dilakukan bersifat hiburan yang melampau dan di tempat-tempat yang dikategorikan sebagai tempat maksiat seperti pesta tertutup, kelab-kelab malam atau pusat karaoke dan sebagainya.

SAMBUTAN YANG DIANJURKAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.

Sambutan yang dilakukan sebaik-baiknya secara sederhana, tidak melalaikan tanggungjawab seorang Muslim terhadap Allah s.w.t. dan tidak bersifat membazir.

Sambutan yang baik adalah dengan cara mengasihi sesama sanak saudara melalui amalan ziarah-menziarahi selain berkongsi suka-duka, menzahirkan rasa syukur jika senang dan bertakziah atau bersimpati apabila ditimpa sebarang musibah.

Sebaik-baik sambutan adalah dengan mengadakan sembahyang berjamaah bersama ahli keluarga, majlis tahlil dan doa selamat, pesanan dan nasihat yang baik serta dalam suasana yang mahabbah.

Setiap ibu bapa perlu merenung kembali dan muhasabah diri ke atas amanah serta tanggungjawab yang terpikul di bahu mereka. Adakah kita telah memainkan peranan sebagai pemimpin keluarga dengan penuh kasih sayang, melalui jalan kebenaran untuk menikmati kedamaian hidup di dunia dan kebahagiaan akhirat, melalui jalan kebenaran untuk menikmati kedamaian hidup di dunia dan kebahagiaan akhirat.

Setiap ibu bapa perlu menyayangi dan melindungi ahli keluarga mereka daripada segala bentuk ancaman akidah dan kelalaian dunia. Ibu bapa perlu menjadi contoh terbaik di dalam keluarga dan disegani, dihormati serta disayangi oleh ahli keluarga.

Setiap ibu bapa perlu mewujudkan persekitaran yang baik dan selesa agar ahli keluarga merasa selamat,

dihargai dan dihormati dalam usaha melahirkan insan syumul.

Setiap ibu bapa perlu prihatin dan memainkan peranan bersama untuk membabitkan diri dalam memberantas gejala sosial dan maksiat yang berleluasa dalam masyarakat, melalui program amar makruf nahi mungkar bagi melindungi ahli keluarga daripada terjebak.

Setiap ibu bapa perlu memperingatkan dirinya perihal pentingnya peranan mereka dalam menyemaikan nilai-nilai etika dan spiritual yang tinggi dalam kalangan ahli keluarga mereka.

Setiap ibu bapa mestilah mengambil langkah-langkah proaktif bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan (parenting skills) bagi menyediakan anak-anak mereka untuk lebih berupaya menghadapi cabaran masa kini.

Didikan agama yang sempurna adalah satu faktor perlindungan (protective factor) yang mampu menyelamatkan manusia dari terjebak ke dalam perbuatan keji yang hanya akan merosakkan dirinya sendiri. Apabila pegangan serta keutamaan tidak lagi berkisarkan kepada tunjang agama yang kukuh, dengan mudah sahaja seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang merugikan diri, keluarga, masyarakat dan negaranya.

PENUTUP.

Harus diingat, mengamal dan mengikut budaya asing, terutamanya dalam meraikan hari-hari tertentu tanpa mengetahui latar belakang perayaan tersebut, sebenarnya akan menjerumuskan umat Islam kepada kehancuran kerana perkara seperti ini bukan sahaja menjejaskan akhlak bahkan keimanan dan akidah, serta menjatuhkan maruah agama Islam itu sendiri.

Umat Islam diseru agar tidak sesekali meniru budaya asing yang ternyata bercanggah apatah lagi ia turut menjerumuskan mereka ke lembah kemaksiatan. Adalah diharapkan semoga dengan adanya garis panduan seperti ini akan dapat membantu umat Islam bagaimana untuk meraikan sambutan Hari Bapa, Ibu, Kekasih dan yang seumpamanya menurut perspektif Islam yang sebenar.

Oleh: Ustaz Nurhelmi b. Ikhsan
(Bahagian Istibat)

RUFAQA

Oleh: **Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor** (Bahagian Istisbat)

LATAR BELAKANG

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ajaran dan pegangan yang dibawa dan disebarkan oleh Ahli Jemaah Syarikat Rufaqa' Koperasi Sdn. Bhd (SRC) dan rangkaian syarikat gabungan mengandungi fahaman-fahaman yang menyamai kumpulan Al-Arqam yang telah diharamkan pada tahun 1994. Penyelewengan-penyelewengan tersebut adalah kesalahan yang didapati bercanggah dengan aqidah, syariah dan akhlak serta etika bermasyarakat.

CIRI-CIRI KESALAHAN

a) Penyelewengan yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

1. Mendakwa Haji Asya'ari Bin Muhammad adalah Sahibul Al-Zaman (Mujadid) manakala Syeikh Mohd Suhaimi pula sebagai imam Mahadi.
2. Mendakwa Haji Asya'ari mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang berlaku pada masa hadapan.
3. Mendakwa Haji Asya'ari mendapat ilmu secara langsung daripada Syeikh Mohd Suhaimi dan Rasulullah berkenaan perkara yang akan berlaku pada masa akan datang.
4. Mendakwa Mujadid atau Sahibul Al-Zaman (Hj. Asya'ari bin Muhammad) mendapat ilmu terus dari Allah.
5. Mendakwa ahli jemaah yang banyak menghayati minda Abuya dan dapat pula melaksanakan adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya.
6. Mendakwa minda Abuya itu sebenarnya adalah wahyu dari tuhan.
7. Mendakwa Allah hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar Sahibul Al-Zaman (Hj. Asya'ari) Imam Mahadi Syeikh Mohd Suhaimi dan Nabi Isa yang telah tersedia oleh Allah untuk melaksanakan jadual tuhan.
8. Mendakwa minda Abuya difahami sebagai intisari Al-Quran dan hadis dan Abuya adalah orang tuhan yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan.
9. Mendakwa perjuangan jemaah SRC dibantu dan dilindungi oleh para Rijal Al-Ghaib yang terdiri daripada malaikat, jin Islam dan roh-roh

Al-Muqaddis suci para ahli jemaah yang telah meninggal dunia.

10. Bertawassul kepada Abuya ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan dengan Tawassul Abuya akan menghantar bantuan sama ada menggunakan Islam atau karamahnya.
11. Adalah Abuya manusia yang hebat malahan, lebih hebat daripada kita mempunyai 10 orang ibu dan ayah kerana menurut mereka hubungan dengan ibu bapa hanya terbatas di dunia, sedangkan hubungan dengan Abuya kekal hingga ke akhirat.
12. Allah akan memberitahu Abuya tentang musibah sakit yang dialami oleh ahli jemaah.
13. Abuya mempunyai kelebihan untuk menanggukkan ajal sekiranya ahli jemaah yang sampai ajal itu masih banyak dosa.
14. Sewaktu ahli jemaah sedang nazak, Abuya mempunyai kelebihan akan hadir dan berada disebelah kanan kepala dengan mengajarkan talkin.
15. Sewaktu ahli jemaah sedang disoal oleh malaikat di dalam alam kubur Abuya akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat bagi pihak ahli jemaah.
16. Sewaktu di Padang Mahsyar Abuya menunggu-nunggu untuk memberi syafa'atnya kepada para pengikutnya.

b) Penyelewengan yang bercanggah dengan Syariah Islamiyah adalah seperti berikut :-

1. Ibadah sembahyang jemaah pada mereka adalah tidak wajib kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahadi.
2. Sahibul Al-Zaman (Hj. Asya'ari) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus dari Allah dalam bentuk ilham.
3. Orang yang berjuang dengan mempunyai minda Abuya adalah lebih tinggi pahala dan darjatnya.
4. Seorang ahli ibadah (A'bid) hanya mampu menjadi hamba biasa kerana mempunyai minda (wahyu) dan tidak boleh menjadi khalifah.
5. Al-Quran yang ada sekarang hanya tinggal mashaf dan lafaz sahaja.
6. Sembahyang sehari semalaman hanya tiga waktu sahaja iaitu subuh, sembahyang jama' antara zohor dan asar serta maghrib dan isya'.

7. Segala amalan baik di dunia tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya.
8. Duduk semajlis dengan Abuya pahalanya lebih tinggi.
9. Beramal dengan Aurad Muhammadiyah sebagai satu cara untuk menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya.
10. Amalan Aurad Muhammadiyah akan terbatal sekiranya para jemaah melakukan dosa besar.
11. Mengamalkan zikir agung (Az-Zikru Al-A'dzom) yang terkandung di dalam unsur tawassul.

c) Penyelewengan yang bercanggah dengan akhlak dan etika bermasyarakat.

1. Ulama' yang ada sekarang adalah ulama' kitab atau ulama' hafalan yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar.
2. Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Phd adalah tidak bermanfaat.
3. Memandang rendah kepada para ulama' sekarang dengan mendakwa ilmu mereka tidak seberapa berbanding dengan ilmu orang tuhan (Hj. Asya'ari bin Muhammad).
4. Allah melarang ulama' berwatak nabi berjuang melainkan setelah munculnya mujadid yang berwatak Rasul.

KEPUTUSAN

i) Bahawa ajaran pengikut-pengikut Syarikat Rufaqa' Koperasi Sdn. Bhd (SRC) dan lain-lain Syarikat yang didaftarkan di bawah akta syarikat atau apa-apa pertubuhan lain yang didaftarkan di bawah apa-apa akta yang berkaitan dengannya adalah mempunyai persamaan ajaran dan fahaman dengan kumpulan Al-Arqam yang telah diharamkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor.

ii) Berdasarkan persamaan ajaran dan amalan yang dinyatakan pengikut-pengikut dan syarikat-syarikat atau pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengannya boleh disabitkan dengan fatwa pengharaman kumpulan Al-Arqam atau Darul Arqam.

iii) Apa-apa pewartaan mengenai pengharaman kumpulan Darul Arqam digunapakai bagi maksud menghalang aktiviti kumpulan SRC dan Syarikat -Syarikat atau pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengannya.

HUKUM MENTERNAK DAN MENJUAL LINTAH DAN CACING UNTUK TUJUAN PERUBATAN DAN KOSMETIK

Oleh: Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor (Bahagian Istibat)

PENDAHULUAN

Antara isu yang sedang hangat diperkatakan pada masa kini ialah penjaan pendapatan yang lumayan oleh seseorang usahawan hasil daripada menternak dan menjual lintah. Dianggarkan bahawa sekilogram lintah boleh dijual dengan harga minima RM60.00 dan boleh mencecah antara RM120.00 hingga RM150.00 sekilogram.

Berdasarkan prospek perniagaan yang menguntungkan tersebut, maka ramai dalam kalangan usahawan termasuk orang Melayu mula berminat dengan penternakan lintah secara komersil. Banyak kursus telah dianjurkan di seluruh negara mengenai cara penternakannya secara moden dan berteknologi, prospek pasaran dan produk yang dikaitkan dengan penggunaan lintah. Begitulah juga halnya dengan penternakan cacing yang mula mendapat tempat dalam kalangan usahawan tempatan di negara ini.

MANFAAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA LINTAH DAN CACING

Hasil kajian mendapati bahawa ekstrak lintah boleh dimanfaatkan dalam bidang perubatan dan pembuatan kosmetik. Bagi kegunaan perubatan, ia boleh diambil melalui dua cara iaitu melalui oral (makan) dan melalui suntikan dan sapuan. Manakala dalam industri pembuatan kosmetik, ia boleh dijadikan sebagai bedak, gincu dan lain-lain.

Di Malaysia pada hari ini, cacing ditenak hanya untuk menghasilkan baja kompos sahaja. Sungguhpun begitu, usaha dan kajian sedang dibuat untuk menjadikan cacing sebagai pellet makanan ikan ataupun ayam.

Berlainan pula di Indonesia, cacing ditenak bukan hanya untuk membuat baja sahaja, tetapi ia juga digunakan sebagai campuran dalam produk kosmetik dan ada yang diproses untuk dimakan sebagai jamu.

Walau bagaimanapun, proses penternakan cacing untuk produk kosmetik dan membuat jamu adalah berbeza dari ternakan cacing untuk membuat baja.

HUJAH DAN DALIL

Dalam permasalahan haiwan yang tidak mempunyai darah mengalir seperti ular, cicak, tikus, kutu, landak, biawak, dhab, cacing dan seumpamanya, tidak dihalalkan kepada manusia memakan haiwan ini kerana ia tergolong dalam kategori al-khabais dan sesetengahnya mempunyai racun yang memudaratkan manusia. Ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T. di dalam surah al-A'raf ayat 157;

Maksudnya: "(Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasulullah, Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik dan melarang mereka daripada mengerjakan perkara-perkara yang keji, dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya dan memuliakannya juga menolongnya serta mengikut Nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya".

Sungguhpun begitu, sesetengah haiwan ini seperti dhab, landak (kunfuz), memerang (sammur), cerpelai (ibn 'irs), rubah (tha'labun) dihalalkan oleh sesetengah mazhab memakannya kerana orang Arab mengkategorikannya sebagai al-thayyibat iaitu haiwan yang dipandang baik oleh masyarakat Arab

KESIMPULAN


Perbezaan pendapat dalam menentukan status kesucian haiwan seperti lintah dan cacing telah membawa kepada perbezaan pandangan tentang keharusan bermuamalah ke atasnya. Sungguhpun begitu, jika dilihat kepada manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan ini dari segi kesihatan dan kehidupan manusia, maka pendapat yang mengharuskan berjual beli ke atas haiwan ini adalah lebih sesuai diamalkan pada masa kini.

KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR


Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke 2/2008 pada 8 April 2008 telah memutuskan bahawa:

- Menurut 'uruf, lintah dan cacing merupakan haiwan yang tidak halal dimakan kerana termasuk dalam kategori haiwan khabith (jijik);
- Hukum berjual beli atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut adalah harus di sisi syara';
- Menggunakan lintah dan cacing sebagai salah satu kaedah perubatan dan bahan kosmetik adalah harus.





CERAPAN HILAL BULAN RAMADHAN




KONVENSYEN FALAK 2008



LAWATAN JAB. MUFTI NEGERI MELAKA KE JAB. MUFTI NEGERI SELANGOR



MUZAKARAH PAKAR KALI KE-4



Anda Bertanya

Jabatan Mufti Menjawab



Soalan 1:

Apakah hukum melihat filem/gambar lucah dengan niat untuk pengajaran sebelum berkahwin?

Jawapan:

Walaupun niat untuk pengajaran adalah dilarang, kerana yang demikian membawa kepada subahat dan menggalakkan perbuatan maksiat.

والله أعلم

Soalan 2:

Apakah waris-waris keluarga harus mengqada' puasa yang tidak ditunaikan oleh seseorang sebelum ia meninggal dunia?

Jawapan:

Apabila seseorang meninggal dunia setelah sakit tetapi tidak pula sempat mengqada'kan puasa fardhu, maka tidaklah wajib bagi ahli warisnya membayar qada' puasa itu ataupun membayar fidyahnya; Apabila seseorang itu meninggal setelah sakit tetapi dalam keadaan sembuh dari sakit sebelum matinya dia tidak mengqada'kan, maka mestilah waris membayar fidyah puasa yang ditinggalkan.

والله أعلم

Soalan 3:

Apakah hukum memberi sedekah kepada orang bukan Islam yang miskin?

Jawapan:

Hukum adalah harus yakni ada pahala baginya, berpandukan hadis Nabi S.A.W. yang bermaksud:

"Memberi sedekah kepada orang miskin mendapat pahala sedekah dan yang terhadap yang bertalian kerabat dua ganjaran, iaitu ganjaran sedekah dan silaturrahim".

والله أعلم

Soalan 4:

Apakah hukum memakan ikan ternakan yang di diberi makanan tidak halal seperti bangkai, babi dan sebagainya?

Jawapan:

Haram memakan ikan tersebut.

والله أعلم

Soalan 5:

Apakah dikira bangkai jika seekor ayam yang telah disembelih menurut syarat-syarat dalam Islam, kemudian terus di masukkan ke dalam mesin pencabut bulu?

Jawapan:

Ayam itu tidak dikira bangkai setelah segala syarat dan rukun sembelihan dilakukan. Bagaimanapun, perlu diingat, kematian ayam itu hendaklah disebabkan sembelihan dan bukan kerana yang lain. Sekiranya ia mati tidak kerana disembelih barulah dihukum bangkai.

والله أعلم

Soalan 6:

Apakah hukum menggunakan gelang magnet untuk tujuan perubatan?

Jawapan:

Harus berubat dengan gelang magnet bagi tujuan perubatan. Namun demikian, penggunaannya adalah atas sebab-sebab yang dibenarkan dan tidak sampai ke tahap yang dilarang seperti pembaziran dan menyerupai wanita. Tujuan atau niat memakai juga bukan untuk menunjuk-nunjuk (riak).

والله أعلم

Soalan 7:

Apakah hukum skim cepat kaya dan seumpamanya?

Jawapan:

Haram kerana cara beroperasinya yang mengandungi unsur-unsur judi, riba, gharar dan tadlis. Oleh itu umat Islam dilarang daripada terlibat dengan skim ini.

والله أعلم

Soalan 8:

Apakah hukum peraduan SMS dan menyertai?

Jawapan:

Hukum peraduan SMS dan menyertai adalah haram kerana proses peraduan SMS ini dijalankan adalah tidak jelas (gharar) dan mempunyai unsur-unsur perjudian.

والله أعلم

Soalan 9:

Apakah hukum orang Islam mengucapkan takziah ke atas kematian orang bukan Islam?

Jawapan:

Harus bagi orang Islam mengucapkan takziah ke atas kematian orang bukan Islam.

والله أعلم

MATAHARI?

Oleh: Ustaz Hairul Anuar bin Samingan (Bahagian Falak)

APAKAH ITU MATAHARI?

Matahari adalah bintang yang menjadi pusat dalam sistem suria. 99% daripada semua jirim dalam sistem suria terdapat di dalam matahari. Para saintis menganggap matahari sebagai bintang ketiga (third generation Star) manakala bumi, planet-planet, asteroid, meteroid dan komet mengelilingi matahari menurut orbit dan masa yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.


Firman Allah Taala :

"Dia yang menjadikan malam dan siang, matahari dan bulan. Masing-masing beredar di tempat peredarannya (orbit)."
Surah Al-Anbia' Ayat 33.

Kejadian matahari bermula selepas berlaku Big Bang dan berkemungkinan besar, ia lahir kesan daripada gelombang kosmik (shockwaves) yang berlaku selepas meledaknya sebuah bintang raksasa. Ledakan bintang besar ini dipanggil supernova dan ia melahirkan gumpalan gas dikenali sebagai solar nebula. Matahari dianggarkan berumur 4.6 billion tahun.

MATAHARI SEBAGAI SUMBER TENAGA

Matahari merupakan bintang yang paling dekat dengan bumi iaitu 149,600,000 km dari bumi. Saiznya adalah 109 kali lebih besar daripada bumi. Diameternya ialah 1,392,000 km dengan jisim seberat 2.0×10^{30} kg. Kandungan matahari terdiri daripada hidrogen (74 % mengikut jirim), helium (25 %) dan sedikit unsur yang berat (1%).



Perbandingan matahari dan bumi

Matahari adalah bintang jenis spectral G2V (bintang berwarna kuning). Suhu permukaan adalah 6,000°C

(11,000°F) Dengan permukaan suhu yang panas ini, matahari mengeluarkan tenaga yang banyak dari semua arah. Walaupun jarak matahari dengan bumi begitu jauh, matahari mampu memancar cahayanya dengan berkesan.




Matahari

Tenaga matahari bergerak dalam bentuk gelombang elektromagnet dengan kelajuan 300,000 km sesaat dan mengambil masa untuk sampai ke bumi selama 8.3 minit kelajuan cahaya. Matahari berputar sekali dalam 27 hari. Oleh kerana matahari terdiri daripada gas-gas yang membakar, putaran di bahagian Khatulistiwa lebih cepat berbanding dengan bahagian kutub.

Setiap saat, matahari mengubah 661 bilion tan hidrogen menjadi 657 bilion tan helium. Dalam proses ini, 4 bilion tan jirim berubah menjadi tenaga. Tenaga ini wujud bermula dalam bentuk radiasi sinar gama yang berubah menjadi cahaya dan haba untuk bumi.

Radiasi daripada matahari terpancar dalam bentuk gelombang daripada sinar gama hingga ke gelombang radio yang membawa lain-lain amalan tenaga. Hanya cahaya putih yang merupakan gelombang yang boleh menghasilkan warna di dalam pelangi yang boleh dilihat oleh mata kasar kita. Namun kita boleh merasai sinar inframerah sebagai haba dan sinar ultra ungu akan memerahkan kulit. Gelombang radio tiba ke muka bumi ini dan boleh didengari melalui radio. Radiasi yang lain tidak dapat memasuki atmosfera.




Radiasi Terpancar Dalam bentuk Gelombang

FUNGSI MATAHARI

Tenaga matahari memanaskan atmosfera, permukaan bumi dan menggerakkan arus udara. Teras matahari berdiameter lebih kurang 400,000 km dan suhunya mencapai 14,000,000°C (25,000,000°F) cukup panas untuk menjanakan proses pelakuran (fusion) iaitu reaksi termonuklear yang menghasilkan amat banyak tenaga bagi membolehkan berlaku proses penyejatan, mewujudkan kitaran hidrologi dan perkembangan sesuatu ekosistem.

Tenaga ini terpancar ke seluruh angkasa lepas lalu membekalkan cahaya dan haba untuk segala makhluk yang hidup di atas muka bumi. Input tenaga daripada matahari ke dalam ekosistem ini akan membolehkan berlaku proses fotosintesis di mana tenaga matahari akan bertukar menjadi tenaga kimia dalam tumbuh-tumbuhan untuk kegunaan manusia dan haiwan.



Struktur matahari

Bahan yang terkandung dalam matahari adalah gas. Oleh itu, ia tidak mempunyai permukaan yang keras seperti planet terestrial dan tidak mengandungi bahan pejal seperti batu dan logam.

Struktur matahari terbahagi kepada dua :

1) Struktur asas

I. Teras (*core*)

- Tempat tenaga dijanakan melalui proses lakuran nuklear
- Suhu mencecah 15 juta K
- Proton dan electron bergerak pada kelajuan yang amat tinggi
- Isipadu teras 2% daripada isipadu matahari
- Jisim teras 60% daripada jisim matahari

II. Zon sinaran (*radiation zone*)

- Kawasan di mana tenaga dibawa ke permukaan dalam bentuk foton

III. Zon perolakan (*convection zone*)

- Kawasan di mana tenaga dialihkan ke permukaan melalui kaedah perolakan

IV. Fotosfera (*photosphere*)

- Kawasan permukaan matahari yang kelihatan
- Bersifat lutsinar
- Kawasan ini mengambil ~ 0.7 jejari matahari
- Terdiri daripada granul-granul, tompok matahari (sunspot), prominence, filament, dan flares.
- Granul merupakan permukaan gas yang menggelegak dan meruap-ruap disebabkan sel-sel perolakan gas panas yang berputar dan ia merupakan yang paling banyak di fotosfera melalui granul tenaga dilepaskan untuk ke permukaan seterusnya.




Fotosfera

2) Atmosfera matahari

I. Kromosfera (*chromosphere*)

- Bahagian paling bawah dan paling sejuk dalam atmosfera matahari.
- Merupakan kawasan gas-gas yang akan keluar dari matahari.
- Kawasan gas ini sukar dilihat kecuali apabila gerhana matahari penuh

- Suhu boleh mencecah 10 000 K dan amat sesuai untuk proses pengionan
- Banyak mengandungi spikul iaitu jet-jet bagi gas memuncut keluar sehingga mencapai ketinggian 20 000 km
- Permukaan kromosfera bergerutu kerana terdapat pemanasan gas
- Ketebalan kromosfera mencapai 2000 - 3000 km



Kromosfera

II. Zon peralihan (*transition zone*)

- Kawasan suhu meningkat dengan mendadak dari 8000 K ke 1 juta K
- Peningkatan suhu dipengaruhi oleh medan magnet

III. Korona (*corona*)

- Merupakan bahagian yang paling luar dalam atmosfera matahari
- Merupakan kawasan yang paling panas dalam atmosfera matahari
- Ketumpatan korona $\sim 10^9$ atom/cm³



Korona

IV. Angin suria (*solar wind*)

- Merupakan aliran zarah-zarah yang bercas yang tidak kelihatan.
- Halaju angin suria mencecah 400 km/s ataupun ~ 90 000 batu sejam ketika terhambur keluar dari matahari.
- Dikeluarkan secara berterusan daripada korona ke ruang angkasa dan paling aktif ketika aktiviti-aktiviti dalam matahari memasuki peringkat aktif.
- Zarah-zarah yang terhambur keluar turut membawa medan magnet yang terperangkap



Aurora Australis

Kedudukan Matahari Di Dalam Sistem Suria. Sistem suria terletak dalam galaksi Bima Sakti (the Milky Way). Sistem suria ini terletak lebih kurang 30,000 tahun-cahaya daripada pusat Galaksi. Setiap 225 - 250 juta tahun, seluruh sistem suria ini akan beredar dalam satu pusingan mengelilingi pusat galaksi ini.




Kedudukan matahari dalam Galaksi

Kedudukan matahari terletak di tengah-tengah di dalam sistem suria. Sistem ini dikekalkan oleh daya graviti matahari yang berupaya mengawal pergerakan kesemua planet termasuk planet Pluto. Sempadan sistem suria mempunyai garis pusat setahun kelajuan cahaya. Purata jarak planet dengan matahari dalam sistem suria adalah seperti berikut :-
57.9 juta kilometer ke Utarid,
108.2 juta kilometer ke Zuhrah
149.6 juta kilometer ke Bumi,
227.9 juta kilometer ke Marikh,
778.3 juta kilometer ke Musytari,
1,427.0 juta kilometer ke Zuhal,
2,871.0 juta kilometer ke Uranus,
4,497.0 juta kilometer ke Neptun,
5,913.5 juta kilometer ke Pluto.



Kedudukan matahari dalam sistem suria
Laluan ekliptik matahari mengelilingi bumi bukanlah

dalam bentuk yang betul-betul bulatan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya perubahan jarak bumi dari matahari pada-pada waktu yang tertentu. Matahari akan berada paling dekat dengan bumi lebih kurang 147.5 juta km pada 3 Januari atau dikenali sebagai perihelion. Daripada tarikh tersebut, jarak bumi dari matahari bertambah secara perlahan-lahan sehingga berada paling jauh dengan bumi lebih kurang 152.5 juta km pada 4 Julai atau dikenali sebagai aphelion.




Jarak perihelion dan aphelion matahari dengan bumi

AKTIVITI MATAHARI

i. Tompok Hitam Matahari

Tompok hitam yang terdapat di permukaan matahari adalah aktiviti matahari yang paling mudah dicerap melalui teleskop penuras cahaya matahari. Saiznya dari beberapa kilometer hingga 100,000 km. Titik ini muncul kerana suhu tompok hitam lebih rendah (tetapi masih sangat panas) berbanding dengan permukaan matahari di sekitarnya yang suhunya tinggi.




Tompok hitam matahari

Suhu tompok ini serendah kira-kira 3,500K. Tompok ini merupakan kawasan medan magnetnya tinggi berbanding dengan kawasan-kawasan lain di permukaan matahari. Melalui cerapan yang berterusan, bilangan tompok matahari bertambah dan berkurang mengikut satu tempoh selama 11 tahun dalam kitaran suria.

ii. Prominen


Pancuran gas panas yang membentuk awan gas di atas permukaan fotosfera dan terdiri daripada gas hidrogen.



Prominen

iii. Suar suria

fenomena letupan bertenaga yang kelihatan seperti lidah api yang menjulang dan meletus di permukaan matahari.



Suar suria (Flare)

iv. Granulas

Sel-sel yang terhasil oleh proses perolakan yang berlaku di bawah permukaan fotosfera.

KESAN AKTIVITI MATAHARI TERHADAP BUMI


1. Hubungan dengan iklim

Punca bagi sumber tenaga dalam dalam sistem iklim dan cuaca di atas muka bumi ini adalah matahari. Perubahan jumlah tenaga yang dipancarkan dari aktiviti matahari memberi kesan terhadap suhu atmosfera bumi. Jumlah pancaran sinaran ultraungu bertambah berkadar terus dengan aktiviti tompok hitam mempengaruhi tindakbalas kimia di atas ionsfera bumi dan mungkin memberi kesan terhadap iklim bumi.

2. Matahari Punca Cuaca Angkasa

Matahari adalah sumber angin suria dan punca gangguan persekitaran angkasa. Angin suria yang berhalaju tinggi yang dikeluarkan dari kawasan dipanggil lohong korona, akan membawa zarah-zarah atau ion-ion yang bertenaga tinggi dan sinaran radioaktif yang merbahaya sampai ke bumi secara berterusan. Keadaan menyebabkan gangguan geomagnetik yang akan memberi kesan fizikal kerosakan satelit dan angkasawan terlampau terdedah dengan radioaktif yang merbahaya. Medan magnet bumi menjadi tidak stabil dan sentiasa

bergerak menyebabkan peralatan elektronik hancur dan penjanaan kuasa turut rosak mengakibatkan "blackout" yang melibatkan kawasan yang sangat luas.



Aktiviti Matahari Mempengaruhi Cuaca

JANGKA HAYAT MATAHARI

Sebagai salah satu makhluk yang dijadikan oleh Allah, matahari mempunyai jangka hayat. Sesetengah saintis meletakkan hayat matahari sebagai 10 bilion tahun. Ini berlaku selepas berbilion tahun proses nuklear yang melibatkan hidrogen bertukar menjadi helium di bahagian dalam matahari (core) terhenti disebabkan matahari kehabisan hidrogen dan menjadi tidak stabil. Bahagian dalam matahari (core) mengucup (contracts) dengan menghasilkan suhu yang tinggi.

Selepas masa berlalu suhu di bahagian luar matahari menurun dan dengan itu pudarlah cahayanya. Akhirnya bahagian luar matahari bertukar menjadi gumpalan gas berbentuk asap dan terus berpisah dari bahagian dalamnya menjadi sebuah planetary nebula.

Manakala bahagian dalam matahari (core) bertukar menjadi objek yang dikenali sebagai 'white dwarfs' atau 'si kenit putih'.

Dalam surah at-Takwir ayat 1, Allah menyatakan dalam al-Quran 'Apabila matahari telah digulung (kuwwirat)'. Kebanyakan ulama mentafsirkan perkataan 'kuwwirat' sebagai digulung manakala Abdullah b. Abbas mentafsirkan sebagai 'zahabat' yang bermaksud 'pergi atau menghilang'. Imam an-Nasafi mentafsirkan sebagai 'hilang cahayanya'. Ia menjelaskan apabila berlaku hari kiamat alam ini seolah-olahnya digulung. Ia juga menjelaskan matahari semasa berada dipenghujung hayatnya akan kehilangan cahaya.

KONVENSYEN FALAK

Oleh: **Ustaz Hairul Anuar bin Samingan** (Bahagian Falak)

MUQADDIMAH

Konvensyen Falak Selangor 2008, merupakan kesinambungan konvensyen falak yang telah diadakan mulai 2005. Program ini mengumpulkan ahli-ahli falak seluruh Malaysia sama ada amatir ataupun profesional. Pelbagai aktiviti diadakan seperti seminar, bengkel, talk-show, pameran, jualan dan cerapan cakerawala.



Dalam usaha merangsang masyarakat menghayati ciptaan Yang Maha Berkuasa, pendedahan ilmu naqli dan aqli perlu diintegrasikan. Lantaran itu, pendedahan kepada objek samawi melalui aplikasi falak perlu dibuat secara holistik demi melahirkan generasi celik dan menghayati ilmu falak.

Kesan dari pelaksanaan konvensyen ini, timbul minat di kalangan pengkaji falak/astronomi, pencerap bintang, usahawan dan orang awam untuk meneroka suatu bidang yang semakin berkembang maju. Di samping itu, pemahaman masyarakat semakin meningkat khususnya berkaitan isu-isu taqvim, arah qiblat, waktu solat dan sistem suria seterusnya diharapkan kegemilangan ilmu falak yang pernah tercatat dalam sejarah ketamadunan dunia suatu masa dahulu dapat bersinar di Negeri Selangor.

OBJEKTIF

- Meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan ilmu falak.
- Menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran untuk menghayati kebesaran Allah Ta'ala melalui pameran, seminar dan cerapan.
- Menjalinkan hubungan di antara pengamal tradisional dan pengamal instrument moden Falak (amatir dan profesional).

- Menjelaskan isu-isu falak semasa seperti penentuan tarikh kebesaran umat Islam, tafsiran waktu solat, arah kiblat dan lain-lain.

PESERTA

Setiap konvensyen diadakan selama 2 hari di mana secara puratanya dihadiri seramai 800 orang peserta yang terdiri daripada Kakitangan jabatan kerajaan, ahli astronomi amatir dan profesional, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi awam/swasta, ahli akademik, pegawai-pegawai tadbir masjid, imam-imam daerah, para pendidik, pemimpin masyarakat, peserta-peserta kursus falak dan orang awam.

PELAKSANAAN

Konvensyen Falak Selangor telah diadakan selama 4 kali bermula dari tahun 2005 sehingga 2008. Pelbagai isu semasa berkaitan falak telah dibincangkan.

Pada tahun 2005, Konvensyen Falak Selangor telah diadakan pada 24 dan 25 September 2005 (20 & 21 Sya'ban 1426 H) bertempat di Kompleks Taman Seni Islam Selangor, Shah Alam. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Ramlan B. Othman, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan majlis penangguhan disempurnakan oleh Y.B. Dato' Hj. Abdul Rahman B. Palil, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat. Di antara aktiviti ketika konvensyen tersebut diadakan ialah Seminar Keunggulan Taqvim Islam di mana isi perbincangan adalah berkaitan dengan pembentukan taqvim Islam, persepsi negatif terhadap taqvim hijri, Perspektif Rukyah dan Hisab dalam Taqvim Hijri penentuan awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah, Persamaan dan Perbezaan di antara Taqvim Hijrah, Kalender Miladiah, Cina dan Hindu serta pengenalan manual penggunaan kalkulator, efemeris bulan dan matahari menggunakan almanak. Selain itu aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan falak turut diadakan seperti pameran falak, pertandingan mewarna alam cakerawala, pertandingan menjawab artikel falak, pertandingan menulis khat ayat-ayat berkaitan falak, cerapan langit malam dan cerapan matahari.

Pada tahun 2006, Konvensyen Falak Selangor telah diadakan pada 15 – 16 Julai 2006 (19 – 20 Jumadal Akhirah 1427 H) bertempat di Pusat Konvensyen, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Konvensyen kali ini adalah anjuran bersama Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir b. Toyo, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut diadakan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mewujudkan Program Pengajian Sijil Falak di bawah kelolaan Pusat Pengajian Sepanjang Hayat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUISCELL). Di antara aktiviti ketika konvensyen tersebut diadakan ialah Seminar Isu-Isu Qiblat Kontemporari yang membincangkan isu-isu berkaitan kepentingan qiblat dalam kehidupan, kaedah-kaedah penentuan arah qiblat, prosidur penentuan arah qiblat yang ideal, penentuan qiblat di angkasa dan tatacara penggunaan perisian e-Qlim dan e-PIMasjid. Selain itu di adakan juga pameran falak, pertandingan kuiz falak, pertandingan pelancaran roket, taklimat aktiviti cerapan gerhana matahari 2006 di Turki oleh National Eclipse Tracker Team (NETT), pertandingan menulis khat ayat-ayat berkaitan falak, cerapan langit malam dan cerapan matahari.

Pada tahun 2007, Konvensyen Falak Selangor telah diadakan pada 20 – 21 Julai 2007 (5 – 6 Rajab 1428 H) bertempat di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) Selangor. Konvensyen kali ini adalah anjuran bersama Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Ramli B. Mahmud, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mewakili

...sambungan dari mukasurat 4

Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir b. Toyo, Dato' Menteri Besar Selangor manakala majlis penangguhan disempurnakan oleh Y.Bhg. Datin Hamidah Bt. Nordin, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Turut diadakan Pelancaran dan Perlantikan Ahli Jawatankuasa PROTEM Persatuan Falak Negeri Selangor. Sepanjang konvensyen tersebut berlangsung, telah diadakan pelbagai aktiviti di antaranya Seminar Aplikasi Falak Di Dalam Penentuan Waktu Solat yang membincangkan penentuan waktu solat menurut fiqh dan hitungan falak, penentuan zon waktu solat, penentuan waktu solat di angkasa dan penggunaan perisian solat menggunakan almanak. selain itu turut diadakan pameran falak, pertandingan kuiz falak, pertandingan pelancaran roket, cerapan langit malam, cerapan matahari dan bengkel merekabentuk rubu' mujayyab.

Pada tahun 2008, Konvensyen Falak Selangor telah diadakan pada 19 – 20 Julai 2007 (16 – 17 Rajab 1429 H) bertempat di Auditorium SIRIM Berhad, Shah Alam Selangor. Konvensyen kali ini adalah anjuran bersama Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid B. Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor manakala majlis penangguhan disempurnakan oleh Y.B. Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor. Turut diadakan Majlis Pelancaran Balai Cerap Negeri Selangor. Sepanjang konvensyen tersebut berlangsung, telah diadakan pelbagai aktiviti di antaranya Seminar Matahari Bintang Di Dalam Solar Sistem yang membincangkan matahari sumber kepada umat manusia menurut al-Quran, sistem suria terkini, kepentingan matahari dalam ibadah dan kehidupan seharian serta aktiviti dan kesan matahari terhadap bumi. Selain itu turut diadakan pameran falak, pertandingan kuiz falak, cerapan langit malam dan Ceramah "Pengalaman Seorang Angkasawan" oleh En. Zulhibabullah Bin Ismail, Agensi Angkasa Negara.

5. AUDIT DALAM MS ISO 9001: 2000 JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR 2008

Pada 31 Jun dan 1 Julai 2008. Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Audit Dalam Jabatan Mufti Negeri Selangor. Audit Dalam ini diadakan bertujuan untuk menambahbaik dokumen bagi persediaan Program Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM QAS yang dijangka akan diadakan pada 14 – 15 Ogos 2008.

6. LAWATAN KERJA JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

Pada 28 Julai 2008 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan dari Wargakerja Jabatan Mufti Negeri Melaka. Para deligasi tiba di Bangunan Sultan Idris Shah pada jam 8.45 pagi. Kunjungan ini telah diketuai oleh Sahibus Samahah Datuk Hj. Rashid Redza Bin Hj. Md Saleh, Mufti Negeri Melaka.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh S.S. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas B. Abd. Wahid, Mufti Selangor. Setelah itu tayangan video korporat Jabatan Mufti Negeri Selangor dijalankan. Bagi melengkapkan lagi tayangan video korporat taklimat ringkas berkenaan jabatan ini yang terdiri dari Bahagian Istibat, Bahagian Falak, Bahagian Penasihatan Aqidah, Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, telah disampaikan oleh Us. Mat Jais bin Kamos.

Setelah itu wakil Jabatan Mufti Melaka menyampaikan ucapan balas. Sesi soal jawab dijalankan antara Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Mufti Negeri Melaka berkenaan isu-isu berbangkit. Setelah itu acara penyampaian cenderamata dijalankan. Para deligasi dijamu dengan makan tengahari. Setelah selesai para deligasi dibawa melawat di kawasan sekitar pejabat.

Bagi melengkapkan lawatan tersebut para deligasi telah dibawa melawat ke Taman Kesenian Islam Selangor, Shah Alam.

Aktiviti Bahagian Istibat

1. SEMINAR AJARAN SALAH DAN SEMASA

Pada 29 Januari 2008, Jabatan Agama Islam Selangor telah mengadakan Seminar Penerangan Ajaran Salah dan Semasa bertempat di Bilik Gerakan, Bangunan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam.

Majlis ini telah dipengerusikan oleh Ustaz Rizal bin Ramli, Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Selangor. Majlis telah dimulakan dengan bacaan doa dan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Ustaz Abdul Latip bin Ibrahim Pembantu Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Pada Majlis tersebut S.S Dato' Haji Abdul Majid bin Omar, Timbalan Mufti Selangor telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja pertama yang bertajuk "Ancaman Ajaran Sesat Terhadap Keharmonian Rakyat Malaysia". Seterusnya Y.B. Dato' Dr. Amran bin Kasimin, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Kawasan Bangi yang juga Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja kedua yang bertajuk "Amalan Sihir Masyarakat Melayu". Seminar ini turut dihadiri oleh S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.


2. LAWATAN PELAJAR JABATAN FIQH DAN USUL, AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA.

Pada 21 Februari 2008 - Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan pelajar dari Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kunjungan ini diketuai oleh Dr. Rusydi bin Ramli diiringi oleh dua orang tutor bersama 39 orang pelajar. Beberapa aktiviti telah dirancang di antaranya sesi pengenalan dan penerangan mengenai perkara khilafiah, pewartaan fatwa dan sebagainya. Kunjungan ini dibawa melawat kawasan persekitaran pejabat agar dapat memberi gambaran kepada pelajar aktiviti yang dilakukan bagi setiap bahagian dan fungsinya. Kunjungan ini berakhir pada pukul 12.30 tengahari dengan sesi bergambar dan makan tengahari.



BIL	NAMA SURAU/ MASJID	TARIKH PENGESAHAN	AZIMUT QIBLAT
1	Masjid Taman Subang Mewah USJ 1 Daerah Petaling	30/4/08	292° 35' 29"
2	Tanah Perkuburan Islam Batu 10 Kebun Baru Kuala Langat	1/5/08	292° 39' 51.5"
3	Surau Al-Mukmin Bandar Saujana Putra Jenjarom	2/5/08	292° 38' 23"
4	Surau Shopping Mall Sunway Pyramid	5/5/08	292° 34' 44"
5	Surau Rumah Pekerja East Eastet Pulau Carey	7/5/08	292° 41' 55"
6	Masjid Nurul Huda, Parit Mahang Kuala Selangor	12/5/08	292° 30' 33"
7	Surau Sek. Keb. Sri Tiram Jaya Tanjong Karang	12/5/08	292° 27' 02"
8	Surau Al-Istiqomah, Taman Angkasa Indah Kajang	13/5/08	292° 35' 09"
9	Surau Data One Services Sek. 7 Shah Alam	13/5/08	292° 36' 05"
10	Surau Stesen Minyak Petronas, Bukit Beruntung	14/5/08	292° 25' 22"
11	Surau At-Taufiqiyah, Kampung Kemensah, Ulu Kelang	14/5/08	292° 29' 19"
12	Stadium Kuala Selangor	15/5/08	292° 30' 40"
13	Surau Hospital Selayang	21/5/08	292° 29' 33"
14	Masjid Rahmani, Kg Permatang, Kuala Selangor	22/5/08	292° 29' 25"
15	Surau I'tisam, Taman Bayu, Pasir Penambang	22/5/08	292° 29' 35"
16	Surau Kampung Tengah, Simpang Empat Permatang	22/5/08	292° 29' 16"
17	Surau Kampung Baru, Pasir Penambang	22/5/08	292° 29' 41"
18	Surau Stesen Petronas Bandar Mahkota Cheras	26/5/08	292° 33' 48"
19	Surau ILKAP Bandar Baru Bangi	26/5/08	292° 37' 19"
20	Pusat Islam MSU Sek 13 Shah Alam	27/5/08	292° 35' 02"
21	Surau Rumah Tunas Harapan, Kuala Selangor	27/5/08	292° 30' 22"
22	Surau Kolej Alamanda UiTM, Jalan Klang Lama	5/6/08	292° 33' 35"
23	Surau Western Digital Petaling Jaya	5/6/08	292° 34' 03"
24	Surau Maktab Kerjasama Malaysia Petaling Jaya	5/6/08	292° 33' 46"
25	Surau MHE Demag Shah Alam	5/6/08	292° 35' 15"
26	Surau Sek.Men.Keb Tengku Idris Shah Kapar	10/6/08	292° 34' 55"
27	Surau Stadium Shah Alam	18/6/08	292° 35' 01"
28	Surau Kompleks Mahkamah Petaling Jaya	19/6/08	292° 33' 22"
29	Surau Persada PLUS Petaling Jaya	23/6/08	292° 34' 01"
30	Surau Nur Khalid Sungai Buloh	24/6/08	292° 31' 19"
31	Surau Mahallah Rugayyah UIAM	25/6/08	292° 28' 18"
32	Surau Nurus Saadah, Taman Meru, Kapar	2/7/08	292° 34' 36"
33	Surau Baitul Falah, Kg Baru Sg Buloh	2/7/08	292° 32' 00"
34	Surau Berembang Indah, Ampang	2/7/08	292° 31' 00"
35	Surau Kompleks Pejabat Daerah Petaling Seksyen U5 Shah Alam	2/7/08	292° 32' 07"
36	Surau An-Namira, Bukit Rimau, Seksyen 32, Shah Alam	4/7/08	292° 37' 43"
37	Surau An-Nur Shahirah, Subang Indah, Petaling Jaya	4/7/08	292° 34' 48"
38	Surau Sek. Ren. Agama, Taman Tun Teja, Rawang	8/7/08	292° 28' 29"
39	Masjid Jamek Ar-Rahman, Hulu Bernam	8/7/08	292° 18' 10"
40	Surau Nurus Saadah, Kg Cheras Baru	10/7/08	292° 32' 25"
41	Surau Al-Ansar, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras	10/7/08	292° 34' 35"
42	Surau Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam	11/7/08	292° 35' 26"
43	Surau Nadi Consult, Bukit Sentosa, Rawang	12/7/08	292° 25' 40"
44	Surau Stadium Sungai Besar	12/7/08	292° 22' 42"
45	Surau Hitachi Air Conditioning, Bandar Baru Bangi	14/7/08	292° 37' 08"
46	Surau Kuarters Hospital Kajang	14/7/08	292° 35' 47"
47	Surau Bangunan JKR Klang	14/7/08	292° 37' 00"
48	Surau Stesen Petronas Tanjung Karang	16/7/08	292° 28' 25"
49	Surau Ar-Rahim, Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	23/7/08	292° 36' 22"
50	Surau Sek. Men. Keb. Jalan Kebun	24/7/08	292° 38' 13"
51	Surau Nur Muhammad, Beranang	24/7/08	292° 36' 58"
52	Surau Taman Pendamar, Pelabuhan Klang	24/7/08	292° 38' 52"
53	Surau Precision Portal, Seksyen U1, Shah Alam	25/7/08	292° 34' 14"
54	Surau Stesen Petronas Tanjung Karang	16/7/08	292° 28' 25"

PENENTUAN DAN PENGESAHAN ARAH KIBLAT 2008



Mutiara Nikmah

Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:

"Sesungguhnya orang yang sangat aku kasihi dan paling hampir padaku di hari kiamat ialah yang terbaik budi pekertinya. Dan orang yang sangat aku benci dan paling jauh daripadaku pada hari kiamat ialah orang yang banyak bercakap, sombong dalam percakapannya dan berlagak menunjukkan kepandaiannya"

(Riwayat Tarmizi)